

**MODUL MONOTOS
BAHASA MELAYU
SPM 2021**

**MENUKARKAN BAHASA
MELAYU KLASIK
KEPADА BAHASA MELAYU
STANDARD**

KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Burung Terbang Dipipiskan Lada	1 - 25
Kepimpinan Melalui Teladan	26 - 49

MENUKARKAN BAHASA MELAYU KLASIK KEPADA BAHASA MELAYU STANDAR

BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA (muka surat 27)

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

1. *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun di Melaka. Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, “Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali.”

Dipetik daripada
 ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’ muka surat 27,
 Dalam antologi Sejarah Rindu,
 Kementerian Pendidikan Malaysia

(6 markah)

JAWAPAN:

Setelah mendengar berita itu, baginda pun menitahkan semua rakyat berkumpul di Melaka. Tun Perak membawa orang Kelang datang ke Melaka bersama-sama anak dan isteri mereka.

Orang Kelang datang menyembah Sultan Muzaffar Syah, “Ya tuanku, semua rakyat datang menghadap terdiri daripada kaum lelaki, patik semua dibawa oleh Tun Perak bersama dengan isteri kami sekali.”

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

2. Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh ber lengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpemanai lagi.

Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak terpemanai banyaknya, berjalan darat terus ke hulu Pahang.

Dipetik daripada
'Burung Terbang Dipipiskan Lada' muka surat 27,
Dalam Antologi Sejarah Rindu,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(4 markah)

JAWAPAN:

Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh rakyatnya menyediakan kelengkapan untuk menyerang Melaka; Panglimanya bernama Awi Cakri, membawa rakyat terlalu ramai sehingga tidak terkira.

Ada orang mempersembahkan berita tentang Raja Benua Siam menitahkan hulubalangnya bernama Awi Cakri membawa rakyat terlalu ramai sehingga tidak terkira berjalan melalui darat terus ke hulu Pahang.

BAHASA MELAYU STANDARD

BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA (muka surat 29)

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga: adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?”

Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas. Maka benarkah pada fikiran tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali. Nescaya berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya: kurang-kurang ia berlawankan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawankan anak isterinya bersungguh-sungguh.”

Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu dipersembahkan di bawah Duli Yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, “Benar seperti kata Tun Perak itu.”

Maka diambil baginda sirih daripada puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun Perak, “Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri.”

1. Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak.

Jawapan:

Pada suatu hari, Tun Perak datang menghadap Duli Yang Dipertuan lalu duduk di atas tanah bersama-sama orang ramai.

2. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga: adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?”

Jawapan:

Seri Amerta iaitu Bentara Melaka berkata kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, semua orang Kelang ini datang menghadap Duli Yang Dipertuan untuk mengadukan masalah.

Sebenarnya seluruh rakyat dari negeri lain yang datang menghadap baginda hanya orang lelaki sahaja, sebaliknya orang Kelang yang dibawa oleh Tun Perak ini membawa isteri mereka sekali. Mengapakah demikian tindakan tuan?”

3. Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak.

Jawapan:

Tun Perak tidak menjawab pertanyaan itu. Sekali lagi Seri Amerta bertanya, namun masih juga tidak dijawab oleh Tun Perak.

4. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya.

Jawapan:

Cukup tiga kali Seri Amerta bertanya, barulah dijawab oleh Tun Perak, katanya “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba yang sebilah itu juga, hendaklah tuan hamba jaga baik-baik, jangan dibiarkan berkarat dan jangan sampai tumpul matanya.

5. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas.

Jawapan:

Tentang tugas dan tanggungjawab kami ini, pasti tuan hamba tidak memahaminya? Sebenarnya sekarang Duli Yang Dipertuan ada di Melaka ini bersama-sama orang perempuan, anak isteri orang Kelang berserta segala kelengkapan.

6. Maka benarkah pada fikiran tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian?

Jawapan:

Benarkah seperti apa yang tuan fikirkan, bahawa kami yang datang jauh dari Selat Kelang bersama-sama orang-orang lelaki sahaja? Jika berlaku sesuatu perkara di negeri ini, apakah yang akan berlaku kepada kami semua?

7. Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali.

Jawapan:

Oleh sebab itulah semua orang Kelang ini hamba suruh mereka membawa anak dan isteri mereka sekali.

8. Nescaya berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya: kurang-kurang ia berlawankan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawankan anak isterinya bersungguh-sungguh.”

Jawapan:

Oleh hal yang demikian, mereka akan berperang bersungguh-sungguh demi Duli Yang Dipertuan di samping bersungguh-sungguh mempertahankan anak dan isteri mereka.”

9. Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu dipersembahkan di bawah Duli Yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, “Benar seperti kata Tun Perak itu.”

Jawapan:

Seri Amerta menyampaikan penjelasan Tun Perak itu ke bawah Duli Yang Dipertuan. Mendengar penjelasan itu, lalu baginda pun tersenyum lalu bertitah, “Memang benar seperti apa yang diperkatakan oleh Tun Perak itu.”

10. Maka diambil baginda sirih daripada puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak.

Jawapan:

Setelah itu baginda mengambil sirih daripada tepak sirih baginda, lalu disuruh diberikan kepada Tun Perak.

11. Maka titah baginda kepada Tun Perak, “Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri.

Jawapan:

Baginda bertitah kepada Tun Perak, “Bahawa Tun Perak tidak perlu kembali ke Kelang lagi, sebaliknya menetaplah di negeri melaka ini.”

MENUKAR BAHASA KLASIK KEPADA BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Set 1

Maka diam Tun Perak tiada disahutinya kata Seri Amerta itu, Setelah tiga kali Seri Amerta berkata-kata itu, maka barulah disahutinya oleh Tun Perak, katanya, "Tuan Seri Amerta, akan tuan hamba dijadikan Yang Dipertuan Bentara, dianugerahi pedang sebilah itu jua tuan hamba peliharakan baik-baik, usahakan jangan diberi berkarat kemakanan. Akan pekerjaan kami orang memegang negeri di mana tuan hamba tahu? Jikalau sebesar tempurung sekalipun, negeri namanya; baik juga kepada kami, maka kami kerjakan, kerana Yang Dipertuan tahu akan baiknya juga kepada kami, tiada tahu akan jahatnya. Tetapi jikalau Duli Yang Dipertuan hendak mencerca hamba sebab orang itu, pecatlah hamba dahulu, maka cercakan hamba dengan dia. Jikalau hamba belum dipecat, bagaimana hamba hendak dicerca?"

Tun Perak berdiam dan tidak menjawab pertanyaan/ kata-kata Seri Amerta. Setelah tiga kali Seri Amerta bertanya/ berkata baharulah Tun Perak menjawab, " Tuan Seri Amerta, tuan telah dilantik menjadi Yang Dipertuan Bentara, dianugerahkan sebilah pedang dan tuan menjaga dengan sebaiknya, diusahakan supaya tidak berkarat. Kami pula bekerja menjaga negeri, adakah tuan tahu? Jika sebesar tempurung sekalipun negeri itu, tetap baik bagi kami dan kami menjaganya kerana Yang Dipertuan tahu perkara ini baik buat kami, tiada yang buruk. Tetapi jika Duli Yang Dipertuan hendak mencela/ mengeji hamba disebabkan orang itu, lucutkan jawatan hamba dahulu dan celalah hamba dengannya. Jika belum dilucutkan jawatan bagaimana hendak dicela?"

Set 2

Baca petikan Bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **Bahasa Melayu Standard** tanpa megubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Maka ia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, “Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawah Duli yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?”

Maka, seorang rakyat Kelang mengatakan bahawa dirinya telah dianiaya oleh Tun Perak. Dia datang menghadap kepada baginda. Oleh itu, baginda telah menitahkan bentara Seri Amerta, supaya memberitahu perkara tersebut kepada Tun Perak. Maka, Tun Perak datang mengadap. Lalu Seri Amerta menyatakan kepada Tun Perak, “Wahai Tun Perak, orang ini telah mengadu kepada Duli yang Dipertuan, bahawa dirinya telah dianiaya oleh Tun Perak. Mengapakah tuan hamba berperangai sedemikian?

(Dipetik daripada prosa tradisional “Kepimpinan Melalui Teladan”, dalam Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, KPM, 2015)

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD**PROSA TRADISIONAL: BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA****Soalan 1:**

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka digelar baginda paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja di seri balai, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah. Hatta, maka Seri Nara Diraja pun pindahlah ke sebelah kanan, jadi Paduka Raja duduk pada tempat Bendahara.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Cadangan jawapan:

Tun Perak digelar Paduka Raja dan disuruh duduk di seri balai setara dengan Seri Nara Diraja. Paduka Raja menaiki seri balai dan duduk berdekatan dengan Seri Nara Diraja. Seri Nara Diraja beralih ke tengah. Seri Nara Diraja berpindah ke sebelah kanan manakala Paduka Raja duduk di tempat Bendahara.

Soalan 2:

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Hatta,maka pada sekali peristiwa Seri Nara Diraja duduk di balai,dihadap orang banyak.Maka Tun Nina Madi pun lalu,disuruh naik duduk dekat,lalu diribanya oleh Seri Nara Diraja.Maka kata Seri Nara Diraja pada segala orang yang duduk itu, “Tahukah tuan hamba sekalian bahawa ia ini anak hamba?”

Maka sembah segala orang banyak itu,”Sahaya semua tahu juga; oleh tuanku tiada mengaku,sahaya semua takut mengatakan dia anak tuanku.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Cadangan Jawapan

Pada suatu hari peristiwa Seri Nara Diraja duduk di balai, berhadapan dengan orang ramai.Tun Nina Madi lalu dan disuruh naik untuk duduk berdekatan,lalu diriba oleh Seri Nara Diraja.Seri Nara berkata kepada semua orang yang duduk di situ, “Tahukah tuan hamba sekalian bahawa Tun Nina Madi ini anak hamba?”

Sembah semua orang,”hamba semua mengetahui hal itu juga; tuanku tidak memperkenalkannya, hamba semua takut mengatakan bahawa Tun Nina Madi anak tuanku”

Soalan 3

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Seri Nara Diraja tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar,maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja,kerana kedua-dua sama orang berasal.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Cadangan Jawapan

Seri Nara Diraja tersenyum. Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah sebagai Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja menjadi pembesar negeri, anak Melayu berpecah iaitu separuh berpihak kepada Paduka Raja dan separuh lagi berpihak kepada Seri Nara Diraja kerana kedua-duanya merupakan keturunan yang mempunyai kedudukan di istana.

Soalan 4

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka Raja, senantiasa beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalulah dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, "Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Cadangan Jawapan

Seri Nara Diraja tidak bersepakat dengan Paduka Raja malah selalu bermusuhan. Beberapa kali juga sering kelihatan Paduka Raja di kampung Seri Nara Diraja. Sultan Muzaffar Syah mengetahui perkara tersebut dan baginda berdukacita melihat sikap Paduka Raja dan Seri Nara Diraja. Baginda berfikir dalam hati "Jika beginilah keadaannya negeri akan musnah kerana pembesar negeri tidak bersepakat sesama sendiri."

BAHASA MELAYU KLASIK

BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA (muka surat 31- 33)

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafakatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirlah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?”

Maka sembahnya, “”Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?”

Maka sembahnya, “Mohon patik tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?”

Maka sembahnya, “Mohon patik, tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah akan Tun Kanaka, saudara Bendahara Seri Wak Raja?”

Maka sembahnya, “Mohon patik, tuanku.”

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?”

Maka sembahnya, “Daulat, tuanku.”

Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, diantar ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh hadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”

Maka kata Seri Nara Diraja, “Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu.”

CADANGAN JAWAPAN

BMK	BMS
Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafakatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja.	Seterusnya, baginda mencari cara untuk menyatakan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja.
Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirlah	Kemudian baginda pun menyuruh Seri Nara Diraja datang menghadap; lalu dia pun hadir.
Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?”	Lalu Sultan Muzaffar Syah bertitah “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?”
Maka sembahnya, “”Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku.”	Sembah Seri Nara Diraja, “Jika dikurniakan oleh Duli Yang Dipertuan, patik setuju, tuanku.”
Maka titah baginda, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?”	Baginda bertitah “Mahukah Seri Nara Diraja mengahwini Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?”
Maka sembahnya, “Mohon patik, tuanku.”	Sembah Seri Nara Diraja, “Ampunilah patik, tuanku.”
Maka titah baginda, “Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?”	Baginda bertitah “Mahukah Seri Nara Diraja mengahwini Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?”
Maka sembahnya, “Mohon patik, tuanku.”	Sembah Seri Nara Diraja, “Ampunilah patik, tuanku.”
Maka titah baginda, “Mahukah akan Tun Kanaka, saudara Bendahara Seri Wak Raja?”	Seterusnya, baginda bertitah “Mahukah kamu mengahwini Tun Kanaka, saudara Bendahara Seri Wak Raja?”
Maka sembahnya, “Mohon patik, tuanku.”	Sembah Seri Nara Diraja, “Ampunilah patik, tuanku.”
Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja.	Beberapa nama anak-anak pembesar ditanyakan oleh Sultan, tetapi tiada seorang pun yang disukai oleh Seri Nara Diraja.

Maka titah Sultan, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?”	Titah Sultan, “Mahukah Seri Nara Diraja mengahwini Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja dan saudara Paduka Raja?”
Maka sembahnya, “Daulat, tuanku.”	Sembah Seri Nara Diraja, “Ya, tuanku.”
Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit	Tun Kudu yang diperisteri oleh Duli Yang Dipertuan mempunyai paras rupa yang cantik tetapi memiliki mata yang juling sedikit.
Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantar ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh hadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.	Apabila mendengar sembah Seri Nara Diraja, dalam masa yang singkat, dijatuhkan talak oleh baginda lalu dihantar ke rumah Paduka Raja, diberi belanja dan disuruh berkahwin dengan Seri Nara Diraja.
Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu keping sudah bertemu?”	Lalu, semua anak buah Seri Nara Diraja berkata, “Bagaimanakah datuk hendak beristeri muda sedangkan datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu keping sudah bertemu?”
Maka kata Seri Nara Diraja, “Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu.”	Lalu Seri Nara Diraja berkata, “Di mana kamu semua tahu? Jika begitu, sia-sia sahaja azimat yang dibeli oleh bapaku dengan harga sekati emas daripada benua Keling itu?”

MENUKARKAN BAHASA MELAYU STANDARD KEPADA BAHASA MELAYU STANDARD

BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA (muka surat 33)

PETIKAN TEKS

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah “Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara.”

Maka titah baginda,”Baiklah,”

Maka Paduka Raja pun dijadikan bendahara

Syahdan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya pertama,Majapahit;kedua Pasai;ketiga Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana ;di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada;dan di Pasai, Orang Kaya Kenayan;dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja;dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

BAHASA MELAYU STANDARD

Selepas habis idah Seri Nara Diraja berkahwin dengan Tun Kudu dan hubungan Seri Nara Diraja dan Paduka Raja semakin utuh dan umpama saudara rapat. Seri Nara memberitahu Sultan Muzaffar Syah supaya melantik Paduka Raja sebagai bendahara kerana kedudukannya berketurunan bendahara.

Apabila memdengar cadangan Seri Nara itu, baginda bersetuju dan melantik Paduka Raja sebagai Bendahara.

Setelah itu, Paduka Raja dianggap seorang yang bijaksana pada zamannya kerana sebaris dengan tiga buah kerajaan besar seperti yang pertama Majapahit, kedua Pasai, ketiga Melaka. Di ketiga wilayah itu terdapat tokoh yang terkenal dengan kebijaksanaan seperti di Majapahit terdapat Patih Aria Gjah Mada, di Pasai Orang Kaya Kenayan, dan di Melaka ada Bendahara Paduka Raja dan Seri Nara Diraja yang dilantik menjadi penghulu bendahari.

MENUKAR PROSA KLASIK KEPADA BAHASA STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Hatta, beberapa lamanya maka datang pula orang Siam menyerang Melaka; Awi Dicu nama Panglimanya. Maka kedengaran khabarnya ke Melaka; maka dipersembahkan orang kepada sultan. Maka baginda pun menitahkan Bendahara Paduka Raja ber lengkap akan mengeluari orang Siam. Seri Bija Diraja dan segala hulubalang sekaliannya dititahkan baginda mengiringkan Bendahara Paduka Raja itu. Adapun Seri Bija Diraja itu sedia asal Melayu, Tun Hamzah namanya, asalnya daripada Muntah Lembu ; ialah dipanggil orang Datuk Bongkok. Apabila berjalan atau duduk, bongkok ia. Oleh sebab sangat gagah berani ia menjadi hulubalang besar, duduk di atas segala hulubalang. Telah sudah lengkap , maka Bendahara Paduka Raja pun pergilah mengeluari Siam itu, bersama-sama dengan Seri Bija Diraja, dengan segala hulubalang banyak. Maka orang Siam pun hampir ke Batu Pahat.

(JAWAPAN)

Bahasa Standard

Tidak beberapa lama kemudian, orang Siam datang menyerang Melaka. Panglimanya bernama Awi Dicu. Setelah mendengar khabar mereka akan ke Melaka, berita tersebut dipersembahkan kepada sultan. Baginda menitahkan Bendahara Paduka Raja membuat persediaan menentang orang Siam. Seri Bija Diraja dan semua hulubalang dititahkan oleh baginda untuk mengiring Bendahara Paduka Raja. Seri Bija Diraja berketurunan/berbangsa Melayu, namanya ialah Tun Hamzah, berasal dari Muntah Lembu ; beliau digelar Datuk Bongkok. Apabila berjalan atau duduk, beliau /dia bongkok. Oleh sebab gagah berani, beliau/ dia menjadi ketua hulubalang, berada pada kedudukan tertinggi dalam kalangan hulubalang. Apabila sudah bersedia, Bendahara Paduka Raja pergi menentang orang Siam bersama-sama Seri Bija Diraja dan semua hulubalang. Orang Siam telah hampir ke Batu Pahat.

PROGRAM MENUKARKAN BAHASA MELAYU KLASIK KEPADA BAHASA MELAYU STANDARD.

Bahasa Melayu Klasik

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar Namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila Bahasa. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu. Maka Tun Umar pun pergila dengan sebuah perahunya olang-oleng. Telah bertemu dengan perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu.

Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati punting api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hilubalang Siam, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada berlawan oleh kita.”

Bahasa Melayu Standard

Kemudian terdapat seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, sungguh amat berani, tingkah lakunya tidak berfikiran panjang (tidak malu, cepat marah, pemberani). Lalu disuruh oleh Bendahara Paduka Raja menyiasat perahu Siam itu. Kemudian Tun Umar pun pergila dengan sebuah perahunya terumbang-ambing. Selepas bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, kemudian dilanggarnya sekali, dua tiga perahu Siam kalah, lalu dia terus ke sebelah; kemudian dia kembali semula, dilanggar lagi perahu yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam kalah. Lalu Tun Umar pun kembalilah. Kemudian orang Siam sungguh hairan melihat tingkah laku Tun Umar itu.

Setelah hari malam, Awi Dicu pun sampailah. Lalu oleh Bendahara Paduka Raja semua pokok kayu bakau dan nyirih serta tumpu api-api itu sekaliannya disuruh ikat dengan puntung api. Setelah dipandang oleh orang Siam api tidak terkira lagi banyaknya, lalu kata hulubalang Siam, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tidak terkira lagi. Andai kata mereka datang apakah nasib kita? Sedangkan sebuah perahunya tadi lagi tidak terlawan oleh kita.”

**SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD
BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA.**

Soalan 1

Baca petikan bahasa Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Adapun perigi di Batu Pahat itu, orang Siamlah membuat dia. Maka diikut oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara Ke Bawah Duli Sultan. Maka baginda pun terlalu suka; maka baginda pun memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing-masing pada kadarnya.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
halaman 36 dalam *Antologi Sejada Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

Cadangan Jawapan:

Terdapat perigi di Batu Pahat telah dibuat oleh orang Siam. Diikut Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Lalu Bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Seterusnya, semua perihal ehwal dipersembahkan oleh Bendahara kepada Ke Bawah Duli Sultan. Baginda sangat suka lalu memberi persalinan kepada Bendahara Paduka Raja iaitu pakaian yang baik-baik dan semua hulubalang yang bersama-sama turut dianugerahi baginda persalinan yang sepadan.

Soalan 2

Baca petikan bahasa Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Adapun segala orang Siam yang kembali itu, telah ia sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk menghadap Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu. Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya “Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
halaman 36 dalam *Antologi Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[6 markah]

Cadangan Jawapan:

Selanjutnya, semua orang Siam telah sampai ke Benua Siam, lalu Awi Dicu pun menghadap Paduka Bubunnya. Paduka Bubunnya sangat marah; lantas dia sendiri hendak pergi menyerang Melaka. Selain itu, ada seorang anak Paduka Bubunnya yang bernama Cau Pandan. Dia berkata kepada Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya yang hendak menyerang Melaka, sembahnya “Duli Pra Cau, lengkapi patik, patik akan mengalahkan Melaka.

Soalan 3

Baca petikan bahasa Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Adapun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati. Maka tidaklah jadi Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu. Maka itulah diperbuatkan orang nyanyi:

Cau Pandan anak Bubunnya,
 Hendak menyerang ke Melaka;
 Ada cincin berisi bunga,
 Bunga berladung si air mata.

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, “ Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat.”

Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepertinya.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
 halaman 36 dalam *Antologi Sejada Rindu*
 Kementerian Pendidikan Malaysia
 [6 markah]

Cadangan Jawapan:

Cau Pandan yang berada di Benua Siam, dia berasa dadanya seperti terkena panah, Cau Pandan pun sakit memuntahkan darah lalu mati. Siam tidak jadi menyerang Melaka kerana kematian Cau Pandan. Lalu diperbuat orang nyanyi/lagu:

Cau Pandan anak Bubunnya,
Hendak menyerang ke Melaka;
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladung si air mata.

Seterusnya, Melaka menerima perkhabaran bahawa Cau Pandan telah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti terkena panah. Apabila Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, lalu baginda bertitah “ Benarlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah yang hebat/luar biasa”.

Banyak pujian baginda berikan kepada Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan hadiah yang selayaknya.

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Paduka Bubunnya pun terlalu suka mendengar sembah Cau Pandan itu. Maka baginda pun menyuruh ber lengkap kepada Pra Kelong delapan ratus sum, lain perahu kecil-kecil tiada terbilang lagi, sekadar menantikan musim juga lagi.

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya. Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau, Cau Pandan."

Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, “Jikalau sungguh mati Cau Pandan, sungguhlah tuan keramat.”

Dipetik daripada Burung
Terbang Dipipiskan Lada.

Jawapan.

Paduka Bubunnya berasa sangat gembira mendengar kata-kata Cau Pandan. Baginda mengarahkan Pra Kelong bersiap sedia dengan lapan ratus kapal besar dan seberapa banyak perahu kecil, sementara menunggu masa.

Kedengaran hingga ke Melaka bahawa Cau Pandan dan anak Bubunnya, telah dititahkan menyerang Melaka. Ada seorang hamba Allah yang tinggal di Melaka, berbangsa Arab, orang memanggilnya dengan nama Sidi Arab. Sidi Arab sentiasa bermain panah lasykar seperti lagak orang berzikir. Ke mana sahaja dia pergi, panah itu akan dibawa olehnya. Tuan Sidi Arab telah menghadap Sultan Muzaffar Syah. Dia mendapat berita bahawa Cau Pandan akan datang ke Melaka, Sidi Arab berdiri di hadapan baginda lalu panahnya itu dihalakan ke benua Siam. Sambil menarik panahnya itu, Tuan Sidi Arab berkata, “matilah kau, Cau Pandan.”

Sultan Muzaffar Syah tersenyum lalu bertitah kepada Tuan Sidi Arab, ‘Jikalau benar Cau Pandan mati, benarlah tuan orang yang mulia.’

MENUKARKAN BAHASA MELAYU KLASIK KEPADA BAHASA MELAYU STANDARD

BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA (muka surat 38)

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal. Adapun Sultan Mansur Syah itu terlalu baik parasnya, serta adil lagi pemurah; seorang pun raja-raja di dalam alam ini tiada sepertinya pada zaman itu

Mohd Yusof Md Nor dan Ino Shaharuddin Abdul Rahman (Penyelenggara) Rampaisari Prosa Warisan, 1998, Fajar Bakti Sdn. Bhd.

CADANGAN SKEMA JAWAPAN

Setelah/selama empat puluh dua tahun Sultan Muzaffar Syah memerintah kerajaan kemudian baginda pun meninggal dunia/mangkat. Anakanda baginda/Sultan Muzaffar Syah yang bernama Raja Abdullah telah menggantikan ayahanda baginda/ayahandanya. Gelaran baginda/Raja Abdullah semasa memerintah/menaiki takhta kerajaan adalah Sultan Mansur Syah. Baginda berumur dua puluh tujuh tahun semasa menjadi raja/menaiki takhta. Baginda/Sultan Mansur Syah telah beristerikan/berkahwin dengan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam. Baginda/Sultan Mansur Syah juga memiliki seorang anak perempuan bernama Puteri Bakal yang dilahirkan oleh gundiknya. Sultan Mansur Syah itu memiliki rupa paras yang sangat tampan, bersifat adil dan pemurah. Tiada seorang pun raja-raja/pemerintah-pemerintah/sultan-sultan pada zaman itu yang sepertinya.

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN (muka surat 27)

Baca petikan Bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam Bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Alkisah maka tersebutlah perkataan Seri Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada dan peri mengatakan penjurit ketujuh bercakap kepada Seri Betara dan Patih Gajah Mada hendak mengalahkan negeri Melaka itu dengan seorang dirinya, peri mengatakan tatkala Laksamana membunuh penjurit tujuh bersaudara di Bukit Cina itu. Berapa lamanya didengar oleh Patih Gajah Mada penjurit yang tujuh bersaudara yang dititahkan Seri Betara pergi ke Melaka itu sudah mati. Maka Patih pun hairan. Maka Patih Gajah pun fikir dalam hatinya, ‘Ada pun negeri Melaka itu sukar binasa maka puas hatiku. Ada pun seperti khabar penjurit tujuh bersaudara yang di Bukit Cina itu, jika tiada ia mati, nescaya alahlah Melaka itu.’

Setelah sudah ia fikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Mada pun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah. Maka orang Patih Gajah pun pergila kepada bininya Petala Bumi.

Jawapan:

Terdapat cerita berkaitan Seri Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada serta cerita tentang penjurit ketujuh yang memberitahu Seri Betara dan Patih Gajah Mada bahawa dia ingin mengalahkan negeri Melaka seorang diri/bersendirian. Terdapat juga cerita tentang Laksamana yang membunuh penjurit tujuh bersaudara di Bukit Cina. Patih Gajah Mada telah mendengar berita bahawa tujuh bersaudara yang dititahkan ke Melaka sudah meninggal dunia. Patih Gajah Mada pun berfikir, ‘apabila negeri Melaka sudah dibinasakan/dikalahkan, baru puas hatiku. Sekiranya penjurit tujuh bersaudara yang berada di Bukit Cina itu tidak meninggal dunia, sudah tentu negeri Melaka dapat dikalahkan.’

Setelah selesai berfikir, Patih Gajah Mada teringat akan Petala Bumi. Patih Gajah Mada menyuruh orangnya ke rumah isteri Petala Bumi. Patih Gajah Mada ingin mengetahui sama ada anak Petala Bumi yang bernama Kertala Sari yang mencuri di Daha telah pulang ataupun belum. Orang suruhan Patih Gajah Mada pun pergi ke rumah isteri Petala Bumi.

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

(muka surat 28)

SET 1

PETIKAN BAHASA MELAYU KLASIK :

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti.Kemudian,tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Tatkala itu kertala sari sudah datang dari Daha,terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluhan-puluhan juta orang banyak dicurinya.

Setelah sudah Kertala Sari sudah datang ke rumahnya,maka ia pun bertanya kepada ibunya,"Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?"

JAWAPAN BAHASA MELAYU STANDARD :

Pada ketika /waktu itu Kertala Sari telah pulang dari Daha,dia memperoleh terlalu banyak harta iaitu emas, perak, pakaian dan wang berpuluhan-puluhan juta yang dicuri daripada banyak/ramai orang.

Setelah Kertala Sari pulang ke rumahnya, maka dia pun bertanya kepada ibunya,"Wahai ibuku, ke manakah perginya bapaku kerana aku tidak melihatnya?"

SET 2

PETIKAN BAHASA MELAYU KLASIK:

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti.Kemudian,tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu,maka ibunya pun menangis,seraya berkata,"Hai anakku,yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh orang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka."

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu,maka Kertala Sari pun terlalu marah,Katanya "Siapakan menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?"

JAWAPAN BAHASA MELAYU STANDARD :

Setelah/Selesainya ibu Kertala Sari mendengar kata-kata anaknya itu, maka ibunya pun menangis, lalu/kemudian berkata,"Wahai anakku, bapamu sudah mati/meninggal dunia kerana dibunuh oleh orang Melayu yang bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka."

Setelah Kertala Sari mendengar kata-kata ibunya itu,maka Kertala Sari pun terlalu/sangat/amat/sungguh marah,katanya, "Siapakan orang yang mengarahkan pembunuhan bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis Kubinasakan /Kumusnahkan/aku binasakan/aku musnahkan?"

SET 3

PETIKAN BAHASA MELAYU KLASIK :

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti.Kemudian,tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritaknya pada anaknya.

Setelah Kertala Sari mendengar cerita ibunya demikian itu ,maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya,”Ceh Ratu Melaka dan Laksamana!Mati engkau olehku!tanpa kedep tembung laku.

Syahadan negeri Melaka pun habis Kubinasakan.

Jikalau tiada Kuperbuat demikian,bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan.”

JAWAPAN BAHASA MELAYU STANDARD:

Lalu ibu Kertala Sari menceritakan semua perihal/perkara/hal/kejadian dari mula hingga akhir kepada anaknya.

Setelah Kertala Sari mendengar cerita ibunya itu, lalu /kemudian Kertala Sari pun terlalu /sangat /amat /sungguh marah,”Cis, Ratu Melaka dan Laksamana!Mati engkau olehku/aku! Tanpa /Tidak mengendahkan/menghiraukan orang lain.

Seterusnya negeri Melaka itu pun habis Kubinasakan /aku binasakan.

Jikalau/Jika /Kalau/Andai kata aku tidak berbuat demikian,aku bukanlah anak penjurit /pejuang yang berani dan cerdik /licik /pandai berbuat helah/tipu muslihat.

SET 4

PETIKAN BAHASA MELAYU KLASIK :

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti.Kemudian,tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu,maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itu pun datanglah.

Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi.

Setelah dilihatnya oleh Kertala Sari orang datang itu ,maka kata Kertala Sari kepada orang itu ,”Siapa tuan hamba ini?”

Maka kata orang itu,”Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat pakanira, sudahkah datang dari Daha atau belumkah,kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira.”

Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.

JAWAPAN BAHASA MELAYU STANDARD :

Sebaik sahaja/Selesainya Kertala Sari berkata-kata sedemikian, lalu/Kemudian orang suruhan Patih Gajah Mada itu pun datang /tiba.

Kemudian dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti tingkah laku orang berkelahi /bergaduh /bertengkar /berbalah.

Setelah dilihat oleh Kertala Sari orang yang datang itu,lalu/kemudian Kertala Sari bertanya kepada orang itu ,”Siapakah tuan hamba ini?”

Lalu /Kemudian Kata orang itu/tersebut, ”Saya ini disuruh oleh Patih Gajah Mada untuk melihat tuan/kamu,sama ada sudah balik dari Daha atau belum, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu /berjumpa dengan saya/kita.”

Kemudian /Lalu Kertala Sari pun segera mengambil/membawa kerisnya lalu berjalan diiringi orang itu.

MENUKARKAN BAHASA KLASIK KEPADA BAHASA STANDARD : KEPIMPINAN MELALUI TELADAN (muka surat 29)

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

<p>Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, "Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, 'Jangan tiada dikasihi anakku ini,' kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung."</p>	<p>Kertala Sari datang menyembah Patih Gajah Mada. Patih Gajah Mada berkata "Hai anakku Kertala Sari, sebab aku memanggilmu, kerana pesanan bapamu kepada aku iaitu jangan tiada dikasihi anakku ini,' kerana bapamu sudah mati dibunuh oleh Seri Betara. Patih Gajah Mada ingin melantik Kertala Sari sebagai penggawa/penghulu/ketua pasukan agung.</p>
<p>Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalulah sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.</p>	<p>Selepas Kertala Sari mendengar kata daripada Patih Gajah Mada, Kertala Sari berasa gembira dan menyembah kaki Patih Gajah Mada.</p>
<p>Maka sembah Kertala Sari, "Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa."</p>	<p>Kertala Sari berkata, "aku tidak peduli untuk membunuh Ratu Melaka dan Laksamana. Dalam hati aku, jika aku dapat kalahkan negerinya seorang diri dan semua anak bini di Melaka juga akan aku ambil. Jika aku belum membunuh Ratu Melaka dan Laksamana, aku tidak mahu menjadi penggawa/penghulu/ketua pasukan."</p>
<p>Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.</p>	<p>Patih Gajah Mada berasa sungguh gembira dan menjamu Kertala Sari dengan makan dan minum serta memberinya pakaian.</p>
<p>Setelah sudah maka Kertala Sari pun dibawanya masuk menghadap Seri Betara. Maka sembah Patih Gajah Mada, "Adapun penjurit tujuh orang yang dititahkan oleh paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuhnya.</p>	<p>Kemudian, Kertala Sari dibawa berjumpa dengan Seri Betara. Patih Gajah Mada memaklumkan bahawa tujuh orang penjurit/askar/tentera yang diarahkan oleh paduka Betara untuk pergi ke Melaka telah mati, ketujuh-tujuhnya dibunuh oleh Laksamana.</p>

<p>Sebermula negeri Melaka pun sedikit alih olehnya. Akan sekarang baharulah patik beroleh penjurit terlalu kepetangan; inilah penjuritnya. Kertala Sari namanya, anak Petala Bumi yang dipesan oleh bapanya kepada patik,”</p>	<p>Di dalam sebuah negeri Melaka, terdapat seorang penjurit/askar/tentera yang sangat bijak/licik. Penjurit yang diberitahu itu bernama Kertala Sari anak kepada Petala Bumi.</p>
<p>Setelah Seri Betara mendengar sembah Patih Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, "Hai, Kertala Sari, dapatkah engkau kutitahkan membunuh Ratu Melaka dan hulubalang yang bernama Laksamana itu?"</p>	<p>Setelah mendapat arahan daripada Patih Gajah Mada, Seri Betara bertitah, "Hai Kertala Sari, aku titahkan bolehkah engkau untuk membunuh Ratu Melaka dan hulubalang bernama Laksamana itu?"</p>

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN – (muka surat 30)

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka sembah Kertala Sari, "Daulat tuanku andika Betara, endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu, sedang negeri Daha patik alahkan?"	Seterusnya Kertala Sari menyembah, "Daulat tuanku andika Betara, patik tidak menghadapi masalah membunuh Ratu Melaka dan Laksamana kerana negeri Daha pun patik dapat kalahkan?"
Setelah Seri Betara mendengar cakap Kertala Sari itu, maka titah Seri Betara, "Segeralah engkau pergi ke Melaka itu. Kerajaan seperti cakapmu itu supaya engkau kujadikan penggawa agung."	Setelah Seri Bentara mendengar kata-kata Kertala Sari, Seri Betara bertitah " Segera engkau ke Melaka supaya cepat engkau dilantik sebagai penggawa agung."
Maka sembah Kertala Sari, "Jikalau tuanku hendak menitahkan patik aji, baiklah segera patik suruh hantarkan ke Melaka dengan sebuah perahu supaya patik segera kerjakan seperti titah paduka Bentara itu."	Seterusnya sembah Kertala Sari, "Jikalau tuanku hendak menitah patik aji, segera hantar patik ke Melaka dengan sebuah perahu untuk melaksanakan arahan titah paduka Bentara itu."
Maka titah Seri Bentara, "Hai Patih Gajah Mada, segeralah suruh hantar ke Melaka." Maka Patih Gajah Mada pun berlengkap sebuah perahu dengan sepuluh orang sertanya yang pergi. Setelah sudah lengkap maka Kertala Sari pun belseyarliah.	Seterusnya titah Seri Bentara, " Patih Gajah Mada segera hantar Kertala Sari ke Melaka." Patih Gajah Mada menyediakan sebuah perahu dan sepuluh orang pengikut yang akan pergi bersama-sama. Kertala Sari pun belseyarliah setelah semuanya lengkap.
Berapa lamanya maka Kertala Sari pun sampailah ke Melaka. Maka ia pun singgah di luar kota pada kampung segala Jawa. Maka Kertala Sari pun menyamaran dirinya kepada segala Jawa yang banyak itu. Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya-kaya dan saudagar.	Setelah beberapa ketika belseyarliah, Kertala Sari sampai ke Melaka. Beliau singgah di luar kota yang didiami ramai penduduk Jawa. Seterusnya Kertala Sari menyamar sebagai penduduk tempatan. Kertala Sari bebas bergerak masuk ke kampung orang kaya-kaya dan saudagar.
Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Karma Wjaya. Tatkala itu Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Karma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka ia pun fikir dalam hatinya, "Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan."	Setelah mengetahui perkara tersebut, Kertala Sari menyamar menjadi orang Patih Karma Wijaya. Kertala Sari masuk seorang diri, bersama-sama orang Jawa yang banyak, mengikut Patih Karma Wijaya menghadap Ratu Melaka. Ketika hulubalang menghadap Ratu Melaka, Kertala Sari melihat setiap hulubalang yang ada. Kertala Sari memandang Laksamana sambil bercakap dalam hatinya, "Dia rupanya hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jika kelakuannya begitu, patutlah dia dapat membunuh bapaku kerana dia merupakan pejuang besar dan licik."

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN (muka surat 31)

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

BAHASA MELAYU KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
Setelah sudah ia fikir demikian, maka Kertala Sari pun dilihat pula perihal penghadapan dan tempat orang bertunggu raja itu. Setelah dilihatnya ratalah, maka Kertala Sari pun kembali pada tempatnya singgah itu, maka ia pun berjalanlah mencari tempat akan menaruh harta. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari ada sebuah bukit di luar kota itu. Maka ia pun pergi ke atas bukit itu. Maka dilihatnya tempat itu terlalu baik menaruh harta. Maka ia pun berjalanlah turun dari Bukit Cina itu.	Setelah selesai dia berfikir sedemikian, kemudian Kertala Sari melihat kejadian di balai penghadapan dan tempat orang menunggu raja itu. Selepas melihat di serata tempat, Kertala Sari kembali ke tempat persinggahannya itu, lalu dia berjalan mencari tempat untuk menyimpan harta. Lalu Kertala Sari terlihat sebuah bukit yang terletak di luar kota itu. Kemudian dia pergi ke atas bukit itu. Apabila dilihatnya tempat itu terlalu sesuai untuk menyimpan harta lalu dia berjalan turun dari Bukit Cina itu.
Berapa lamanya hatta hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. Makai a masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur. Maka oleh Kertala Sari dicurinya segala harta saudagar itu sekuasa-kuasa ia membawa dan bini saudagar itu pun dicabulinya. Makai a pun kembali pada tempatnya singgah itu.	Tidak beberapa lama kemudian hari telah malam. Lalu Kertala Sari menjadikan dirinya yang sebenar, kemudian dia berjalan masuk ke dalam kota. Selepas itu dia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Kertala Sari melihat saudagar itu sedang makan nasi bersama-sama isterinya. Selepas itu, Kertala Sari masuk lalu makan bersama-sama saudagar itu. Setelah jauh malam, kemudian saudagar itu tidur. Kemudian Kertala Sari mencuri semua harta saudagar itu sebanyak-banyaknya yang boleh mampu dibawanya dan isteri saudagar itu dicabul oleh Kertala Sari. Lalu dia kembali ke tempat singgahnya itu.
Maka hari pun sianglah. Maka saudagar itu pun gemparlah mengatakan dirinya kecurian. Hatta maka hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun masuk mencuri pula sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah sudah banyaklah ia beroleh harta, maka ia pun kembali pada tempatnya pula. Dengan demikian habislah segala harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Maka segala saudagar dan orang kaya-kaya itu pun masuk menghadap raja berdatang sembah, "Ya tuanku, patik mohonkan ampun, adapun patik sekalian ini habis kecurian tinggal sehelai sepinggang." Setelah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut seraya menamparnampar pahanya. Maka titah baginda, "Wah, datanglah pula bala atas negeriku!"	Kemudian hari telah siang. Lalu saudagar itu hebohlah mengatakan bahawa dirinya kecurian. Setelah itu, hari malam. Kertala Sari masuk lalu mencuri pula ke sebuah rumah saudagar yang lain. Selepas itu, dia banyak memperoleh harta lalu dia kembali ke tempatnya semula. Oleh hal yang demikian, habislah semua harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Kemudian, semua saudagar dan orang kaya-kaya itu masuk menghadap raja berdatang sembah, "Ya tuanku, patik memohon ampun, sebenarnya patik sekalian habis kecurian dan tinggal sehelai sepinggang." Setelah baginda mendengar sembah orang itu, lalu baginda terkejut dan menamparnampar pahanya. Kemudian baginda bertitah, "Wah, datanglah pula bala ke atas negeriku!"

KEMPIMPINAN MELALUI TELADAN(muka surat 32)

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Baiknya ada Laksamana; jikalau Laksamana kuutuskan ke negeri orang, binasalah negeri ini.”

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “Hai temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!” Maka Temenggung pun menyuruhkan orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh oranya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

Sebermula maka Kertala Sari pun masuk ke dalam. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu. Maka ia pun pergi ke rumah seorang kaya. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas itu lalu dibawanya kembali dan bini orang kaya-kaya itu dicabulinya. Maka ia pun kembali ke tempatnya.

Setelah hari pun siang maka orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “Hai Temenggung, tiidakkah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?”

Maka sembah Temenggung, “ Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan penjurit.

Maka titah baginda, “ Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?”

Maka baginda pun murka sedikit akan Temenggung. Maka baginda pun menyuruh memanggil Laksamana; Laksamana pun segera datang lalu duduk menyembah.

Maka titah baginda, “ Hai kekasihku Laksamana, datanglah bala ke atas negeriku dan banyaklah orang aku kecurian; masing-masing mengadukan halnya pada kita.”

BAHASA MELAYU STANDARD

Nasib baik ada Laksamana; jika Laksamana kuutuskan ke negeri orang, pasti musnahlah negeri ini.”

Kemudian baginda bertitah kepada Temenggung, “Wahai Temenggung, suruh orang dan semua saudagar berkawal di kampung masing-masing!” Lalu Temenggung menyuruh orangnya memberitahu orang kaya-kaya dan saudagar supaya berkawal di kampung masing-masing. Setelah malam, lalu Temenggung menyuruh orangnya berkawal, terlalu ramai orang membawa leming perisai bersama-sama dan semua saudagar berkawal di kampung masing-masing.

Setelah itu Kertala Sari masuk ke dalam. Kemudian Kertala Sari melihat ramai orang berkawal dengan pelbagai jenis senjata. Lalu Kertala Sari membaca jampinya kemudian dia berjalan di tengah-tengah orang yang sedang berkawal itu. Lalu dia masuk ke rumah orang berada. Lalu dicurinya harta yang tersimpan kemudian dibawa pulang dan isteri orang kaya-kaya dicabulinya. Kemudian Kertala Sari pulang ke tempatnya semula.

Setelah hari siang orang kaya-kaya itu datang menghadap raja untuk mengadukan bahawa harta mereka telah dicuri pada malam semalam. Kemudian baginda pun berasa hairan lalu bertitah kepada Temenggung, “Wahai Temenggung, tidakkah Temenggung menyuruh orang Temenggung berkawal pada malam semalam?”

Sembah Temenggung, “ Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang patik berkawal pada malam semalam, namun seorang pun tidak ditemui oleh mereka. Orang patik juga berasa hairan dengan pencuri itu”.

Lalu baginda bertitah, “ Apakah sebab sehingga pencuri itu dapat mencuri?”

Baginda sedikit marah terhadap Temenggung. Kemudian baginda menyuruh memanggil Laksamana; Laksamana lantas datang lalu duduk menyembah.

Baginda bertitah, “ Wahai kekasihku Laksamana, berlaku bencana atas negeri beta dan ramai orang beta yang kehilangan harta; masing-masing mengadu perkara tersebut kepada beta.”

PROSA TRADISIONAL – KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, mohonkan ampun dan kurnia; ada penjurit ini bukan penjurit negeri ini, penjurit negeri lain.”

Maka titah baginda, “Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?”

Maka sembah Bendahara, Daulat tuanku Syah Alam, ada pun pekerjaan berkawal itu pekerjaan Temenggung; apabila Temenggung tiada bercakap, Laksamana pula mengerjakan dia.”

Maka titah raja, “pada malam ini Temenggung sendiri keluar berkawal.”

Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku, patik sendiri masuk berkawal.” Maka Temenggung pun mohon kembali ke rumahnya berkerah segala hambanya lima ratus orang dengan alat senjatanya.

Setelah hari malam maka Kartala sari pun masuklah ke dalam kota . Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka kartala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.

Setelah hari siang maka Bendahara pun gemparlah menyatakan kecurian.

Maka Bendahara pun berdatang sembah “ Ya tuanku, patik mohon ampun, pada malam ini patik habis kecurian, habislah harta dan kemas-kemas.”

Maka titah raja , “Hai Temenggung, tidakkah kita titahkan Temenggung sendiri pada malam berkawal ? Mengapakah pada malam ini mamak Bendahara kecurian ini?”

Bahasa Melayu Standard

Laksamana bersembah kepada raja “Daulat tuanku mohon ampun dan kurnia, memaklumkan bahawa penjurit itu bukannya orang tempatan, tetapi orang yang datang dari luar.

Raja bertitah,” Bagaimana penjurit itu dapat melakukan pencurian?”. Bendahara bersembah memaklumkan kepada sultan bahawa tugas berkawal itu adalah tanggungjawab Temenggung. Tetapi disebabkan tiada arahan daripada Temenggung tugas tersebut diambil alih oleh Laksamana.”

Raja bertitah, “pada malam ini Temenggung sendiri berkawal”. Temenggung bersembah,” Baik tuanku, patik sendiri akan berkawal.” Temenggong memohon pulang ke rumahnya. Temenggung telah mengerah orang bawahnya seramai lima ratus orang yang lengkap dengan segala senjata.

Apabila malam menjelang Kertala Sari pun masuk ke dalam kota dan didapati orang sedang berkawal dengan senjata dan perisai serta mengeluarkan bunyi yang kuat. Kertala Sari membaca jampi sambil melalui di tengah orang yang berkawal dan masuk ke rumah Bendahara mencuri harta dan barang kemas.

Keesokan harinya Bendahara gempar kerana mendapati harta dan barang kemasnya dicuri. Bendahara datang bersembah“ Ya tuanku, patik mohon ampun, pada malam ini habis harta dan barang kemas patik dicuri.”

Raja bertitah kepada Temenggung, “Hai Temenggong, bukankah beta titahkan Temenggung sendiri yang berkawal?. Mengapakah pada malam ini Bendahara kecurian?”

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN (muka surat 33)

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka sembah Temenggung, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia; adapun pada malam ini patik sendirinya lah berkawal. Pada segenap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya patik sudah tunggui; maka seorang pun tiada bertemu dengan patik-patik itu. Maka titah duli yang maha mulia patik junjung.” Maka Laksamana pun berdatang sembah, “Ya tuanku, adapun penjurit yang datang ini bukan barang-barang penjurit, lebih tahu nyata daripada patik. Jika ada derma kurnia, patik hendak memohon ke bawah duli hendak cuba bermain dengan penjurit itu.” Maka titah raja, “Adapun Laksamana itu tiadalah dapat jauh daripada kita, jika lalu Laksamana pergi berkawal, siapa teman kita di istana ini? Yang kita harapkan hanyalah Laksamana.” Maka Laksamana pun berdiam dirinya mendengar titah raja demikian itu. Hatta beberapa hari maka segala orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian; syahadan semuanya datang menghadap raja. Maka raja pun tiada terkata-kata lagi.

JAWAPAN:

Lalu/ Kemudian sembah Temenggung, “Ya tuanku, patik memohon ampun dan kurnia; adapun/ sebenarnya/ sesungguhnya/ sememangnya pada malam semalam patik sendirilah yang berkawal. Pada semua/setiap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya itu telah patik jagai/kawal; maka/namun/tetapi tidak ada seorang pun ditemui oleh orang-orang patik. Kemudian/ Lalu titah duli yang maha mulia patik junjung.” Kemudian/ Lalu/ Seterusnya Laksamana pun berdatang sembah, “Ya tuanku, adapun sebenarnya/ sesungguhpun penjurit/ pencuri yang datang ini bukanlah sebarang penjurit/ pencuri, lebih banyak tahu nyata/ bijaknya/ cerdiknya/ liciknya daripada patik. Jika/ Jikalau/ Sekiranya/ Andai kata ada derma kurnia, patik hendak memohon ke bawah duli untuk cuba mencabar/ menguji penjurit/pencuri itu.” Lalu/ Kemudian titah raja/ raja bertitah, “ Adapun/ Sememangnya/ Sesungguhnya Laksamana ini tidaklah dapat berjauhan daripada kita/beta, jika/lalu/jika/ sekiranya/andai kata Laksamana pergi berkawal, siapakah yang akan menemani kita/beta di istana ini? Yang kita/beta harapkan hanyalah Laksamana.” Lalu /Kemudian Laksamana pun berdiam diri/mendiamkan diri semasa mendengar titah raja demikian/sedemikian itu. Selepas/Setelah beberapa hari maka/lalu/ kemudian semua orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian; seterusnya/ selanjutnya semua orang datang menghadap raja. Kemudian/ Lalu raja pun tidak terkata-kata lagi/ terdiam.

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka sembah Laksamana, “Pada firasat patik, pada malam itu datang pula penjurit itu ke istana kita ini.”

Maka titah raja, “Apa bicara kita supaya penjurit itu tiada beroleh masuk ke istana ini?”

Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, ada suatu perbuatan; hikmat itu daripada penjurit yang tahu patik peroleh.”

Maka titah baginda, “Segeralah perbuat, kekasihku Laksamana, hikmat itu.”

Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, pada malam ini lepaskanlah patik pergi berkawal, tiada jauh.”

Maka baginda bertitah, “Baiklah.”

Maka Laksamana pun menyuruh membawa segala senjata yang banyak- banyak itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka diatur oleh Laksamana berkeliling istana itu. Maka dibubuhnya suatu hikmat, radak- meradak dan tetak- menetak sama sendirinya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuruh bunyinya.

Skema

Sembah Laksamana, “Pada pendapat patik, pada malam nanti, pencuri itu akan datang pula ke istana kita ini.”

Raja bertitah, “Apa pandangan kita supaya pencuri itu tidak dapat masuk ke istana ini?”

Sembah Laksamana, “Daulat tuanku, ada suatu perbuatan hikmat daripada pencuri yang patik juga tahu.”

Baginda bertitah, “Laksanakanlah segera hikmat itu, kekasihku Laksamana.”

Sembah Laksamana, “ Ya Tuanku, pada malam ini, perkenankanlah patik untuk pergi berkawal tidak jauh dari istana.”

Baginda bertitah, “Baiklah.”

Laksamana menyuruh agar dibawanya pelbagai jenis senjata yang banyak seperti lembing, tombak dan kayu. Dibubuhnya suatu sihir menyebabkannya tikam-menikam dan tetak-menetak sesama sendiri dan kayu pula palu-memalu sehingga mengeluarkan bunyi yang terlalu kuat.

MENUKARKAN BAHASA KLASIK KEPADA BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka hari pun malamlah. Maka Laksamana pun memakai serba hitam lalu berjalan. Maka Kertala Sari pun masuklah. Maka dilihat oleh Laksamana seorang penjurit, maka Laksamana pun berselindung pada suatu tempat. Maka Kertala Sari pun menyimpang pada tempat yang lain masuk mencuri.

Maka Kertala Sari pun fikir dalam hatinya hendak mencuri harta raja, apabila habislah harta raja itu maka ia pun hendak membakar serta mengamuk. “Adapun bini raja muda-muda itu kuambil akan biniku.”

Maka ia pun sampailah ke istana. Didengar bunyi gemuruh, maka dihampirinya: maka dilihatnya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan radak-meradak.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melaui Teladan’

dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istambul*

Kementerian Pendidikan Malaysia

Hari menjelang malam. Laksamana memakai pakaian serba hitam dan berjalan.

Setelah/ selepas itu, Kertala Sari masuk. Laksamana melihat seorang askar, lalu Laksamana bersembunyi di satu tempat. Kertala Sari melencong / membelok ke tempat yang lain untuk mencuri.

Kertala Sari berfikir di dalam hatinya untuk mencuri harta raja, setelah habis semua harta raja itu, dia mahu membakar serta mengamuk. “Isteri raja yang masih muda-muda itu akan aku ambil menjadi isteriku.”

Dia telah sampai di istana. Didengari bunyi yang tidak tenteram / kuat, lalu menghampirinya / mendekatinya; dilihatnya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan tusuk-menusuk.

PROSA TRADISIONAL [KEPIMPINAN MELALUI TELADAN]:

Muka surat : 35

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka dilihat oleh Laksamana seorang penjurit; maka Laksamana pun berselindung pada suatu tempat. Maka Kertala Sari pun menyimpang pada tempat yang lain masuk mencuri. [P1]

Maka Kertala Sari pun fikir dalam hatinya hendak mencuri harta raja; apabila habislah harta raja itu maka ia pun hendak membakar serta mengamuk. “Adapun bini raja muda-muda itu kuambil akan biniku.”[P2]

Maka ia pun sampailah ke istana. Didengar bunyi gemuruh, maka dihampirinya, maka dilihatnya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan radak-meradak. [P3]

Maka Kertala Sari pun hairan, berfikir dalam hatinya, “Adapun hikmat ini bukan hikmat Melayu, hikmat penjurit Jawa yang tahu-tahu juga.”[P4]

Maka diambil suatu kayu, maka disarungnya, Maka dipalu oleh kayu hikmat Laksamana itu gemuruh bunyinya. Maka didengar oleh orang berkawal bunyi kayu itu terlalu gemuruh. Maka ia pun hendak pergi mendapatkan, maka ia teringat akan pesan Laksamana: tiada diberinya bergerak, masing –masing pada tempatnya. [P5]

Maka kata penjurit itu, “Apa tipunya aku masuk ini, kerana senjata ini ada bertikam. Jika aku masuk nescaya kalahlah aku oleh senjata ini?” [P6]

Maka penjurit itu pun kembali pula pergi pada tempat yang lain. Maka dicurinya lalu dibawanya pada tempat itu. [P7]

Maka hari pun sianglah. Maka Laksamana pun kembali. Maka kata Laksamana orang yang bertunggu itu, “Adakah tuan-tuan dengar bunyi kayu dan senjata itu lain daripada bunyi sedia kala?” [P8]

Maka sahut orang itu, “Adapun pada pendengaran sahaya, kayu itu memalu kayu lainlah.”[P9]

Maka Laksamana pun melihat, sungguh. Maka Laksamana pun masuk menghadap. Maka titah raja , “Hai kekasihku, adakah bertemu dengan penjurit itu?” [P10]

JAWAPAN

Perenggan 1

Apabila Laksamana melihat seorang pahlawan/perajurit, Laksamana pun bersembunyi di suatu tempat. Kertala Sari menyimpang/ menukar arah ke tempat lain untuk masuk mencuri.

Perenggan 2

Seterusnya Kertala sari berfikir dalam hatinya untuk mencuri harta raja. Setelah semua harta raja habis dicurinya, lalu dia hendak membakar serta mengamuk. "Isteri raja yang muda - muda akan kuambil untuk dijadikan biniku."

Perenggan 3

Apabila Kertala Sari tiba di istana, dia terdengar bunyi gemuruh/kuat lalu menghampirinya dan dia melihat senjata dan kayu palu-memalu/pukul – memukul , tikam-menikam/saling bertikaman dan radak-meradak/tusuk menusuk.

Perenggan 4

Kertala Sari berasa hairan sambal berfikir di dalam hatinya. " hikmat/ilmu ini bukan hikmat orang Melayu, melainkan hikmat/ilmu perajurit Jawa yang mengetahui.

Perenggan 5

Kertala Sari Mengambil satu kayu lalu disarungnya. Lalu, dipukul oleh kayu hikmat Laksamana sehingga menghasilkan bunyi yang sangat gemuruh/kuat. Pengawal mendengar bunyi kayu yang sangat kuat/gemuruh. Pengawal itu hendak pergi menyiasat/memantau, tetapi dia teringat pesan Laksamana bahawa Laksamana tidak membenarkan sesiapa bergerak dan tetap berada di tempat berkawal.

Perenggan 6

Perajurit/pahlawan itu berkata, " Bagaimana caranya untuk aku masuk jika begini?. Senjata ini bersedia untuk bertikam/berlawan. Jika aku masuk pasti aku akan dikalahkan oleh senjata ini."

Perenggan 7

Kemudian, perajurit itu balik dan pergi ke tempat lain. Kertala Sari mencuri kemudian dibawa ke tempat lain.

Perenggan 8

Hari bertukar siang. Laksamana balik/pulang. Laksamana bertanya kepada pengawal/orang yang berkawal, "Adakah tuan-tuan mendengar bunyi kayu dan senjata yang lain /berbeza daripada yang sedia ada? "

Perenggan 9

Kemudian orang yang berkawal menjawab, " Melalui pendengaran/pengamatan saya, kayu itu memukul kayu lain."

Perenggan 10

Laksamana menyiasat maklumat yang diberitahu oleh Pengawal dan ternyata benar. Seterusnya, Laksamana masuk menghadap raja. Raja bertitah, "Wahai kekasihku, adakah bertemu dengan penjurit itu?"

Kepimpinan Melalui Teladan (muka surat 36)

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka sembah Laksamana, "Daulat tuanku, tiada patik bertemu. Insya-Allah Taala, kelak malam patik cuba main penjurit itu, dengan berkat arwah guru patik." Maka raja pun diamlah.

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun memakai pakaian yang indah-indah dan memakai bau-bauan yang harum lalu masuk ke dalam kota, dalam hatinya, "Pada malam ini aku masuk membakar dan mengamuk, kerana harta orang Melaka itu pun habis aku curi."

Sebermula maka Laksamana pun memakai pakaian penjurit. Maka Laksamana pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. Maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar itu. Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu terlalu gemuruh bahananya. Maka Laksamana pun tahu lah akan Kertala Sari datang itu. Maka Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu. Maka tertendang kakinya pada tubuh Laksamana.

Jawapan:

Laksamana mempersesembahkan kepada Raja, "Daulat Tuanku, Patik belum berjumpa Kertala Sari lagi. Insya-Allah, kemungkinan pada malam ini patik akan cuba memerangkap penjahat itu, dengan tunjuk ajar daripada arwah guru patik.". Raja berdiam tanda faham setelah mendengar penjelasan daripada Laksamana.

Pada malam itu kertala Sari memakai pakaian yang cantik dan memakai bau-bauan yang harum dan masuk ke dalam kota sambil berbisik di dalam hatinya, "Pada malam ini aku akan masuk ke dalam kota lalu membakar dan mengamuk untuk mencuri semua harta penduduk Melaka.

Setelah itu, Laksamana pun memakai pakaian seperti seorang tentera. Kemudian, Laksamana memulakan langkah. Pada malam itu keadaan menjadi kalam kabut dan hujan mulai turun. Pada masa yang sama Kertala Sari juga masuk ke dalam kota. Jadi, Laksamana pun tidur di tengah-tengah pasar. Ketika sedang tidur Laksamana mendengar bunyi tapak kaki Kertala Sari yang sangat kuat. Laksamana dapat mengagak akan kedatangan Kertala Sari. Kertala Sari pun berjalan ke tengah pasar tersebut. Kemudian, kaki Kertala Sari tertendang badan Laksamana.

BAHASA MELAYU KLASIK

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya, “Teririk bangkai pula aku ini!”

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!”

Setelah Kertala Sari merasai luka itu, maka dihunusnya kerisnya pula mengusir Laksamana. Dua tiga langkah maka ia pun rebah terjerumus lalu mati. Maka oleh Laksamana dihirisnya syahwatnya diambilnya lalu ia kembali ke rumahnya.

Setelah hari hampir siang maka orang pun lalu. Maka dilihatnya seorang perlente mati; maka segera dikeratnya telinga dibawa kepada raja, sembahnya. “Ya tuanku, inilah tandanya patik membunuh penjurit yang terlalu buat itu.”

Maka datang pula seorang lagi, dikeratnya kepala, lalu dibawa menghadap raja katanya, “Inilah tandanya patik membunuh penjurit pada malam tadi.”

Dengan demikian habislah kaki tangan Kertala Sari dikeratnya dibawanya kepada raja. Maka baginda pun menjadi hairan.

BAHASA MELAYU STANDARD

Seterusnya Kertala Sari berdiri di atas kepala Laksamana dan berkata, “Terpijak mayat pula aku ini!”

Ketika Laksamana tidur kerisnya sudah sedia dikeluarkan daripada sarungnya, dan Laksamana pun melompat menikam dada Kertala Sari hingga tembus ke belakangnya.

Laksamana berkata, “Cis, mati engkau aku bunuh!”

Apabila Kertala Sari berasa sakit kesan luka itu, dia pula mencabut kerisnya untuk menghalau Laksamana. Setelah dua tiga langkah Kertala Sari jatuh terjerumus dan meninggal dunia. Setelah itu, Laksamana memotong kemaluan Kertala Sari dan diambil kemudian pulang ke rumahnya.

Setelah waktu hampir siang, orang lalu di kawasan itu. Mereka meihat Kertala Sari telah meninggal dunia dan bertindak segera memotong telinga Kertala Sari terus dibawa menghadap raja, sembahnya, “Tuanku, ini buktinya patik membunuh Kertala Sari yang sangat kejam itu.”

Kemudian ada orang lain lalu, orang itu memenggal kepala Kertala Sari dan dibawa menghadap raja, “Inilah buktinya patik membunuh Kertala Sari malam tadi.”

Oleh hal yang demikian, kaki dan tangan Kertala Sari dipotong dan dibawa oleh mereka untuk menghadap raja. Setelah itu, baginda pun berasa hairan.

MENUKARKAN BAHASA MELAYU KLASIK KEPADA BAHASA MELAYU STANDARD

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN (m/s 38)

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

BAHASA MELAYU KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
Setelah sudah maka sembah Laksamana, “Baik juga Duli Yang Dipertuan menitahkan orang memalu mong-mongan suruh mari mengenal hartanya.” Maka baginda pun bertitah pada Temenggung menyuruh orang memalu nong-mongan. Maka dipalu oranglah berkeliling negeri.	Laksamana bersembah kepada raja, “Ada baiknya Tuanku menitahkan penduduk kampung untuk datang ke sini bagi mengenali harta-harta mereka”. Lalu baginda pun meminta Temenggung memanggil orang-orang kampung di seluruh negeri untuk proses pengecaman tersebut.
Maka segala orang yang kehilangan itu pun semuanya berhimpun masuk ke dalam pergi mengenal segala harta, seorang pun tiada tinggal. Maka kata seorang, “Ini harta patik, tuanku.” Maka seorang, “Ini pun ia harta patik, tuanku.” Maka kata seorang, “Ini tuanku benda patik.” Kata seorang, “Ini bantal patik, tuanku.”	Semua penduduk kampung yang kehilangan harta-harta mereka telah berkumpul dan masing-masing mengenali harta-harta mereka. Seorang demi seorang penduduk berkata kepada raja, “Tuanku, ini harta patik”, “Tuanku, ini barang patik”. “Tuanku ini pula bantal patik.”
Setelah habislah dikenalinya segala yang empunya, maka titah raja, “Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua bahagi akan Laksamana, sebahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan Laksamana.”	Setelah selesai mengecam harta-harta mereka, Raja bertitah, “Wahai penduduk kampung, semua harta ini perlulah dibahagikan kepada tiga bahagian. Dua bahagian diserahkan kepada Laksamana, satu bahagian diserahkan kepada pemilik harta iaitu kamu kerana jasa Laksamana yang telah menemui ke semua harta ini.”

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

Muka surat 38

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah sudah maka sembah laksamana,” Baik juga Duli Yang Dipertuan menitahkan orang memalu mong-mongan suruh mari mengenal hartanya.”Maka baginda pun bertitah pada Temenggung menyuruh orang memalu mong-mongan. Maka dipalu oranglah dikelilingi negeri.

Maka segala orang yang kehilangan itu pun semuanya berhimpun masuk ke dalam pergi mengenal segala harta , seorang pun tiada tinggal. Maka kata seseorang, “Ini harta patik, tuanku.”

Maka seorang, “Ini pun ia harta patik, tuanku .”

Maka kata seorang, “Ini tuanku benda patik.”

Kata seorang, “Ini bantal patik, tuanku .”

Setelah habislah dikenalinya segala yang empunya, maka titah raja, “Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua bahagi akan laksamana, sebahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan laksamana.”

Maka sembah orang itu, “Daulat tuanku, mana titah patik junjung.”

Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku ,jika demikian, sahaja aniyalah duli yang maha mulia dan dukacitalah sekalian empunya harta, Yang sebahagian itu akan patik. Dalam pada itu pun, mana kasih hatinya hendak memberi akan patik.”

Bahasa Melayu Standard

Setelah selesai laksamana pun menyembah ,” sebaik-baiknya Duli Yang Dipertuan menitahkan orang memalu gong meminta mereka datang untuk mengecam hartanya .” Seterusnya baginda pun bertitah kepada Temenggung untuk menyuruh orang memalu gong. Gong itu dipalu orang keliling negeri.

Semua orang yang kehilangan harta itu berhimpun masuk ke dalam untuk mengecam semua harta dan tiada seorang pun ter tinggal. Seorang daripada mereka berkata, “Ini harta patik ,tuanku .”

Seorang lagi pun berkata ,“Ini pun harta patik ,tuanku .”

Seorang lagi pun berkata ,“Ini pun barang patik ,”

Seorang lagi pun berkata ,“Ini bantal patik, tuanku ”

Setelah selesai yang punya harta mengecamnya . Raja pun bertitah ,“Wahai, kamu semua harta tersebut perlu dibahagi tiga, dua bahagi untuk laksamana. Sebahagian untuk orang yang punya harta, hal ini kerana harta ini sudah hilang dan laksamanalah yang telah menjumpainya semula.”

Seterusnya orang lain pun menyembah, “Daulat tuanku, segala titah patik junjung.”

Laksamana pun menyembah, “Ya tuanku jikalau demikian, hal ini akan menganiaya duli yang maha mulia dan mengecewakan semua yang punya harta, oleh itu sebahagian harta untuk patik. Dalam masa yang sama juga apa-apa juar yang mungkin diberikan atas belas ikhsannya untuk patik.”

MENUKARKAN BAHASA MELAYU KLASIK KEPADA BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka titah baginda, “Hai segala kamu, suakah seperti kata Laksamana ini?”

Maka sembah mereka itu, “Sukalah patik sekalian memberikan Laksamana. Demi Allah dan Rasul-Nya, dengan tulus ikhlas patik sekalian.” Masing-masing pun memberikan memberikan segala hartanya akan Laksamana.

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Maka baginda pun terlalu amat kurnia akan Laksamana; barang sesuatu bicara, jikalau tiada Laksamana, tiadalah putus. Maka negeri Melaka pun kararlah.

Berapa lamanya maka terdengar ke Majapahit kepada Patih Gajah Mada bahawa Kertala Sari sudah mati dibunuh oleh Laksamana. Maka Patih Gajah Mada pun mencari daya dan upaya hendak mengalahkan negeri Melaka dan membunuh Laksamana itu juga, sentiasa menyuruh orang ke gunung dan segenap bukit bertanyakan orang yang bercakap membunuh Laksamana dan Ratu Melaka. Demikianlah pekerjaannya.

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan” dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, Dewan Bahasa dan Pustaka (muka surat 38-39)

JAWAPAN :

Baginda bertitah, “ Wahai semua rakyat, adakah kamu bersetuju dengan kata Laksamana ini?”

Mereka menyembah, “Patik semua suka untuk memberikan harta itu kepada Laksamana. Demi Allah dan Rasul-Nya, patik semua ikhlas.” Masing-masing memberikan harta itu kepada Laksamana.

Laksamana telah bertindak membahagikan harta tersebut kepada tiga bahagian dan Laksamana telah mengambil sebahagian. Harta yang sebahagian itu dibahagi pula kepada tiga. Sebahagian harta diberikan kepada fakir miskin, sebahagian diberikan kepada pegawai yang tidak berjawatan dan sebahagian lagi diberikan kepada pengikutnya. Semua harta itu habis dibahagikan dan Laksamana tidak mengambil apa-apa harta.

Baginda sangat berbangga terhadap Laksamana kerana setiap perkara yang dibincangkan, jika tanpa Laksamana sukar untuk membuat keputusan. Selepas itu, negeri Melaka pun menjadi aman.

Setelah beberapa lama, berita Kertala Sari yang mati dibunuh oleh Laksamana telah sampai ke Majapahit iaitu kepada Patih Gajah Mada. Oleh sebab itu, Patih Gajah Mada telah berusaha pelbagai cara untuk mengalahkan negeri Melaka dan membunuh Laksamana. Patih Gajah Mada sentiasa menyuruh orangnya mencari di segenap tempat orang yang sanggup membunuh Laksamana dan Ratu Melaka. Begitulah tugas yang dilakukannya.